

**GP**  
007/2018

# **GARIS PANDUAN LANDSKAP TEMPAT LETAK KENDERAAN NEGERI SABAH**



Disediakan Oleh :  
**BAHAGIAN LANDSKAP  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH NEGERI SABAH  
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SABAH**





### KATA-KATA ALUAN

Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah  
(YBrs. TPr Tn. HJ. MURSIDI HJ SAPIE)

**Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,**

Penyediaan tempat letak kenderaan merupakan syarat kelulusan bagi pelan pembangunan. Garis panduan ini disediakan untuk menyokong penyediaan kawasan berlandskap di tempat letak kenderaan di kawasan pembangunan. Penyediaan Garis Panduan Landskap Tempat Letak Kenderaan Negeri diterbitkan sebagai rujukan untuk PBT dan pihak terlibat dalam merancang landskap di kawasan tempat letak kenderaan yang sistematik dan teratur.

Garis panduan ini merangkumi aspek perancangan umum dan khusus bagi tempat letak kenderaan. Ini termasuklah penyediaan ruang dan jarak tanaman, pemilihan pokok dan kemudahan yang bersesuaian.

Menerusi Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan Negeri Sabah, adalah menjadi harapan agar garis panduan ini dapat diaplikasikan di seluruh PBT negeri Sabah dengan sewajarnya demi mewujudkan kawasan persekitaran yang lestari.

Sekian.

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

---

<b>KATA-KATA ALUAN</b>	<b>i</b>
<b>BAHAGIAN 1.0 PENGENALAN</b>	
<b>Definisi</b>	
<b>Latar Belakang</b>	
<b>Definisi</b>	<b>4 - 5</b>
<b>Rasional</b>	
<b>Prinsip Perancangan</b>	
<b>GARIS PANDUAN UMUM</b>	
<b>Perancangan Ruang</b>	
<b>Komponen Landskap Lembut</b>	<b>6 - 11</b>
<b>Komponen Landskap Kejur</b>	
<b>GARIS PANDUAN KHUSUS</b>	
<b>Tempat Letak Kenderaan (<i>On street parking dan Off Street Parking</i>)</b>	
<b>Tempat Letak Kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU)</b>	<b>12 – 15</b>
<b>Tempat Letak Motosikal</b>	
<b>GLOSARI</b>	<b>16</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>17</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>18</b>

## PENGENALAN

### Tujuan

Garis Panduan Landskap Bagi Tempat Letak Kenderaan Negeri Sabah disediakan sebagai satu bentuk rujukan yang jelas dan kuantitatif kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah bagi membangunkan landskap yang bersesuaian di sekitar tempat letak kenderaan. Kawasan Tlk yang diintegrasikan dengan penanaman bukan sahaja mewujudkan suatu ruang yang selesa namun ianya dapat mengelakkan pembentukan pulau haba di kawasan bandar.

Berdasarkan garis panduan ini meliputi 3 bahagian utama bagi memenuhi keperluan-keperluan dalam penyediaan Tempat Letak Kenderaan iaitu:

**BAHAGIAN 1.0 : PENGENALAN**

**BAHAGIAN 2.0 : GARIS PANDUAN UMUM**

**BAHAGIAN 3.0 : GARIS PANDUAN KHUSUS**

**BAHAGIAN 1.0****PENGENALAN**

---

**1.1 Definisi**

Tempat letak kenderaan adalah ruang yang disediakan secara terancang sebagai tempat untuk meletak kenderaan. Ia merupakan satu kawasan yang merangkumi petak atau lot letak kenderaan, laluan kenderaan, laluan bagi orang kurang upaya (OKU), pejalan kaki serta kawasan berlandskap.

**1.2 Latar Belakang**

- 1.2.1 Tlk merupakan salah satu elemen penting dalam bandar atau mana-mana kawasan pembangunan bagi memenuhi keperluan keselesaan pengguna.
- 1.2.2 Tlk perlu dirancang dengan teratur dan berkesan bagi menyokong program penghijauan bagi menengani isu urban heat island terutama di kawasan bandar.
- 1.2.3 Dalam perancangan kawasan Tlk, asas pertimbangan yang perlu diambil kira adalah pembangunan yang mampan dan perancangan pembangunan mengikut konteks tempatan.

**1.3 Rasional Penyediaan Tlk**

- 1.3.1 Perancangan ruang Tlk yang tidak teratur menyebabkan imej persekitaran yang sesak dan Peningkatan penggunaan kenderaan dan kesesakan ruang Tlk kesan daripada perancangan yang tidak teratur menyebabkan kawasan Tlk yang sesak dan tidak

**1.4 Prinsip Perancangan****1.4.1 Sistematik dan Mesra Pengguna**

Penyediaan Tlk yang teratur dan sistematik serta mesra pengguna adalah aspek yang amat penting bagi memudahkan pelbagai keupayaan pengguna dapat menggunakan ruang dengan selesa dan selamat.

Penyediaan komponen kemudahan landskap di Tlk hendaklah teratur, selamat dan boleh digunakan oleh semua pengguna.

**1.4.2 Connectivity**

Lokasi kawasan Tlk hendaklah mengalakkan *walkability* kepada pengguna dalam lingkungan jarak pejalan kaki serta dihubungkan dengan laluan pejalan kaki yang selamat dan ke kawasan pembangunan sekitar. Selain itu, persekitaran yang efesyen seperti penanaman pokok teduhan dapat menyokong *walkability* di kawasan Tlk.

#### 1.4.3 Inovatif dan Responsif

Penyediaan kemudahan, susun atur dan reka bentuk di kawasan Tlk perlu mengambilkira teknologi yang mesra alam seperti penggunaan tenaga solar sebagai sumber tenaga, penggunaan jenis turapan yang dapat memaksimumkan serapan air hujan dan sebagainya.



*Gambar 1 : kawasan T.l.k yang dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki bagi keselesaan pengguna.*

*Sumber : JPBW*

#### 1.4.4 Program Penghijauan

Program penghijauan melalui penanaman pokok dapat mewujudkan ruang yang selesa selain memberi kesan estetik kepada TLK.



*Gambar 2 : kawasan T.l.k yang dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki bagi keselesaan pengguna.*

*Sumber : JPBW*

#### 1.4.5 Keselamatan

Reka bentuk kawasan Tlk yang boleh dilihat secara *terus (Natural surveillance)* dan tidak menghalang pandangan orang ramai bagi mengelakan pelakuan jenayah. Mengambilkira penyediaan komponen landskap yang menyokong kepada aspek keselamatan.



*Gambar 3 : kawasan T.l.k yang dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki bagi keselesaan pengguna.*

*Sumber : Sinsuran, Kota Kinabalu.*

**BAHAGIAN 2.0****GARIS PANDUAN UMUM****2.1 Perancangan Ruang**

Reka bentuk kawasan Tlk perlu kreatif supaya tidak mewujudkan ruang terpencil (*territoriality*) dan kurang selamat yang boleh mengundang perlakuan jenayah. Ia perlu boleh dilihat secara terus dan tidak menghalang pandangan orang ramai (*natural surveillance*);

**2.1.1 *Connectivity***

- (a) Penyediaan kemudahan sistem sirkulasi perlu mempunyai kesinambungan dengan Tlk ke kawasan lain. Kemudahan sirkulasi yang boleh diakses oleh semua golongan pengguna.



*Gambar 4 : kawasan T.l.k yang dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki bagi keselesaan pengguna.*


*Sumber : JPBW*

- (b) Rangkaian laluan pejalan kaki boleh diintergrasikan dengan penanaman pokok teduhan bagi mewujudkan kesan teduhan selain memberi keselesaan kepada pengguna.


**2.1.2 Keselamatan**

Penyediaan kemudahan komponen sokongan landskap dan pendekatan reka bentuk tanaman yang memenuhi aspek keselamatan pengguna.

- (a) Reka bentuk landskap tidak mewujudkan ruang terpencil dan boleh dilihat secara terus dan tidak menghalang pandangan orang ramai *natural surveillance*;
- (b) Mengalakkan penyediaan sistem atau alat keselamatan sokongan seperti kamera kawalan keselamatan (CCTV) di kawasan laluan keluar masuk;
- (c) Lampu pencahayaan yang mencukupi.



Gambar rajah 1 : Pelan pencahayaan di kawasan T.l.k.



Gambar rajah 2 : Pencahayaan yang mencukupi di kawasan T.l.k.

### 2.1.3 Komponen Landskap Lembut



Gambar 5 : kawasan T.l.k yang dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki bagi keselesaan pengguna.

Sumber : JPBW

#### Prinsip Reka Bentuk :

- Keperluan penyediaan landskap lembut adalah bertujuan untuk menyokong program penghijauan melalui tanaman landskap di kawasan Tlk. Tanaman landskap bertindak sebagai penghadang silau, penunjuk arah, meningkatkan imej persekitaran dan penebat bunyi selain memberi keselesaan teduhan kepada pengguna.
- Pemilihan jenis tanaman adalah bergantung kepada kesesuaian dan fungsi ruang tanaman. Secara umumnya, pokok utama hendaklah diberi keutamaan dalam elemen landskap lembut kerana ianya memberi kesan teduhan yang lebih ketara dalam meningkatkan kualiti alam sekitar.

- iii) Untuk memaksimumkan kesan teduhan, penanaman pokok teduhan perlu ditanam dalam orientasi timur ke barat;
- iv) Menyediakan minimum 1.5m lebar ruang penanaman bagi tujuan ruang penanaman di kawasan pembahagi lot kenderaan.
- v) Bagi kawasan yang terhad, dicadangkan tanaman daripada spesies pokok sederhana yang bersesuaian;
- vi) Memastikan tiada laluan utiliti di kawasan penanaman pokok teduhan;

**Kriteria pemilihan jenis tanaman :**

- i) Digalakkan penanaman dari jenis tanaman teduhan;
- ii) Pemilihan tanaman pokok native yang berasal dari borneo adalah digalakkan.
- iii) Jarak penanaman yang sama atau pada jarak satu pokok bagi setiap tiga lot Tlk bagi memberikan kesan teduhan yang maksimum;
- iv) Pokok utama dari jenis berbatang lurus, berakar tunjang dan rendang. Percabangan kurang dari 3.0m dari paras tanah hendaklah dipotong.
- v) Pokok sederhana yang mempunyai ciri bentuk bujur atau kon adalah disyorkan untuk kawasan yang terhad.
- vi) Pokok yang mempunyai dahan mudah patah, daun kerap gugur, berbuah besar, bergetah, berduri, akar banir dan menjalar adalah tidak dibenarkan.
- vii) Pemilihan tanaman dari jenis yang memerlukan penyelenggaraan yang sederhana adalah digalakkan.

## Cadangan Tanaman

*Mimusops elengi**Cinnamomum iners**Pterocarpus indicus**Millettia pinnata**Alstonia scholaris**Pongamia pinnata**Cananga odorata**Cratoxylum formosum**Michelia champaca**Peltophorум pterocarpum**Duranta spp.**Hymenocallis littoralis**Brunfelsia calycina**Dracaena reflexa**Ixora spp.**Murraya paniculata*

Gambar 7 : Cadangan tanaman di kawasan Tlk.  
Sumber : 1001 Garden Plants In Singapore

#### 2.1.4 Komponen Landskap Kejur



Gambar 8 : Lanskap kejur dapat menyokong aktiviti di kawasan Tlk  
Sumber : Internet


#### Kriteria reka bentuk landskap kejur :

- i) Pemilihan bahan binaan yang mempunyai kos penyelenggaraan minimum;
- ii) Mengutamakan bahan binaan yang lasak, selamat, tahan pertukaran cuaca dan tidak membahayakan keselamatan pengguna.
- iii) Papan tanda perlu diletakkan di lokasi yang dapat dilihat dengan jelas dan mudah dibaca dari pelbagai arah serta mempunyai warna dan saiz sesuai;
- iv) Penggunaan bahan binaan turapan permukaan Tlk yang mesra alam serta berfungsi menyerap air secara semula jadi seperti *grass crete*, *porous concrete*, dan *permeable block* adalah digalakkan;



Gambar 9 : Penggunaan bahan yang dapat menyerap air secara semulajadi ketika hujan bagi mengelakkan kawasan dibanjiri.  
Sumber : Internet

- v) Penggunaan sistem *silva cell* adalah digalakkan. Sistem ini merupakan modular yang digunakan untuk menyokong turapan dan mewujudkan ruang antara turapan dan tanah. sistem ini berfungsi mengalakkan pertumbuhan akar di bawah kawasan turapan.



Gambar 10 : Penggunaan sistem *silva cell* bagi mengurangkan kerosakan akar pokok.

Sumber : JPBW

- vi) Penggunaan lampu solar juga digalakkan bagi menjimatkan penggunaan tenaga elektrik. Berdasarkan *Green Building Index* (GBI), kecekapan penggunaan sumber tenaga boleh dicapai melalui penjimatan tenaga, mengoptimumkan penggunaan solar, mengaplikasi sumber tenaga yang boleh diperbaharui.



Gambar 11 : Penggunaan sistem solar bagi menyokong penjimatan tenaga

Sumber : Internet

- vii) Sistem pintar perlu digunakan; contohnya papan paparan maklumat, papan tanda penunjuk arah aliran kenderaan.




## BAHAGIAN 3.0




### GARIS PANDUAN KHUSUS



**3.1** Penyediaan landskap tempat letak kenderaan adalah berdasarkan jenis Tlk seperti berikut :

- a) Tempat Letak Kenderaan *On Street Parking*
- b) Tempat Letak Kenderaan *Off Street Parking*
- c) Tempat Letak Kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- d) Tempat Letak Motosikal.

**3.2** Susun Atur dan Reka Bentuk Landskap

Jenis Tlk	Susun Atur	Reka Bentuk Landskap
<i>On Street Parking</i>	<p><b>Tlk Selari</b></p>  <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 3 lot Tlk</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penanaman pokok teduhan berfungsi sebagai teduhan dan pemilihan pokok mengambil kira jenis spesis yang bersesuaian.</li> </ul>
	<p><b>Tlk Bersudut Tegak</b></p>  <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 3 lot Tlk</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>b) Elakkan menanam pokok teduhan yang mempunyai struktur lemah, batang rapuh, berbuah, berbunga yang boleh mencancang keselamatan awam dan harta benda awam</li> <li>c) Jarak penanaman mengambil kira saiz matang tanaman pokok teduhan tersebut.</li> <li>d) Lokasi penanaman pokok adalah di luar daripada kawasan utiliti.</li> <li>e) Sistem pencahayaan yang mencukupi.</li> </ul>
	<p><b>Tlk Bersudut 30°/45°/60°</b></p>  <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 3 lot Tlk</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>f) Penanaman di kawasan pintu masuk/keluar perlu mengambil kira perkara berikut : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jarak penglihatan pemandu;</li> <li>- Tanaman sebagai penunjuk arah.</li> <li>- Tanaman bagi mewujudkan kesan '<i>sense of welcoming</i>'</li> </ul> </li> </ul>

<p><b>Off Street Parking</b></p>	<p><b>Tlk Selari</b></p>  <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 3 lot Tlk</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap tiga (3) petak Tlk.</li> <li>b) Tlk di kawasan terbuka seperti kompleks membeli belah, pejabat, taman awam dan sebagainya.</li> <li>c) Kawasan Tlk mempunyai rangkaian pejalan kaki yang dilengkapi dengan jaluran hijau dan perabot landskap yang bersesuaian bagi keselesaan pengguna.</li> <li>d) Sistem pencahayaan yang mencukupi.</li> <li>e) Pemilihan tanaman untuk kawasan pintu utama adalah daripada jenis tanaman yang berbunga dan menarik perhatian pengunjung.</li> <li>f) Papan tanda perlu diletakkan di lokasi yang dapat dilihat dengan jelas dan mudah dibaca dari pelbagai arah serta mempunyai warna dan saiz sesuai.</li> <li>g) Lokasi penanaman pokok adalah di luar daripada kawasan utiliti.</li> </ul>
	<p><b>Tlk Bersudut Tegak</b></p>  <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 3 lot Tlk</p>	
	<p><b>Tlk Bersudut 30°/45°/60°</b></p>  <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 3 lot Tlk</p>	

Jenis Tlk	Susun Atur	Reka Bentuk Landskap
<b>Tempat Letak Motosikal</b>	 <p>Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap 6 petak bagi tempat letak motosikal.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Keperluan untuk satu (1) pokok bagi setiap tiga (6) petak tempat letak motosikal.</li> <li>b) Elemen landskap lembut berfungsi sebagai tedyuhan, keselesaan, penghadang dan pengindahan.</li> <li>c) Penyediaan elemen landskap kejur yang bersesuaian seperti papan tanda, tong sampah, lampu pencahayaan dan jaringan laluan pejalan kaki.</li> <li>d) Reka bentuk hendaklah mengambil kira ciri-ciri keselamatan pengguna dan mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.</li> <li>i) Lokasi penanaman pokok adalah di luar daripada kawasan utiliti.</li> </ul>
<b>Tempat Letak Kenderaan OKU</b>	 	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penyediaan keperluan OKU hendaklah mematuhi MS1184 untuk memastikan OKU dapat menggunakan kemudahan dengan selamat dan selesa.</li> <li>b) Reka bentuk perlu mengambil kira saiz, ukuran, jenis bahan, dan reka bentuk kemudahan awam bagi menjamin ianya mudah akses dan selamat untuk digunakan oleh OKU.</li> <li>c) Tlk hendaklah disediakan berdekatan dengan pintu atau laluan masuk dan keluar serta dihubungkan dengan laluan <i>ramp</i> ke sesuatu kawasan.</li> <li>d) Penyediaan petak khas (<i>dedicated bay</i>) dan dibezakan dari petak umum menggunakan tanda, simbol atau warna.</li> <li>e) Hanya jenis Tlk bersudut tegak yang dibenarkan.</li> <li>f) Menyediakan ruang laluan (<i>aisle</i>) di sebelah kiri, kanan dan hadapan petak.</li> </ul>

	<p>g) Penyediaan Tlk OKU berukuran 3.6m lebar dan 5.4m panjang berdasarkan <i>Malaysian Standard (MS)</i></p> <p>h) Penggunaan symbol papan tanda Tlk perlu mematuhi piawaian <i>Malaysian Standard (MS)</i> iaitu berwarna biru dan putih.</p> <p>i) Papan tanda berkedudukan menegak dengan ketinggian min. 2m daripada paras jalan.</p> <p>j) Penyediaan cocondong OKU dengan kecuraman yang bersesuaian dan bebas halangan serta menyediakan pemegang di bahagian kiri dan kanan cocondong.</p> <p>k) Reka bentuk cocondong hendaklah mengambil kira larian air permukaan (<i>surface water run-off</i>).</p> <p>l) Elemen landskap lembut perlu mengambil kira kesesuaian mengikut warna, bentuk, bau, tanaman yang selamat dan tidak berduri. Lokasi penanaman pokok adalah di luar daripada kawasan utiliti.</p> <p>m) Penyediaan kemudahan seperti pemegang atau railing, <i>pelican crossing</i>, cocondong, laluan pejalan kaki (<i>tactile</i>) perlu mematuhi ciri keselamatan bagi memudahkan pergerakan OKU</p> <p>n) Laluan OKU hendaklah bebas daripada sebarang halangan.</p> <p>o) <i>Tactile warning tiles</i> hendaklah dipasang sebagai tanda amaran penghujung laluan atau perubahan arah laluan.</p>
--	---

**GLOSARI**

<b>Tlk</b>	Tempat Letak Kenderaan
<b>Tlm</b>	Tempat Letak Motosikal
<b>Landscape Lembut</b>	Komponen landskap yang terdiri daripada tumbuhan pokok, palma, renek, tumbuhan memanjang atau menjalar dan penutup bumi.
<b>Connectivity</b>	Berkesinambungan
<b>pelican crossing</b>	Merupakan lintasan pejalan kaki yang yang bercirikan elemen keselamatan awam.
<b>Cecondong</b>	Pelantar, laluan jalan, atau laluan pandu yang condong secara seragam.
<b>Laluan pejalan kaki</b>	Merupakan penghubung antara kawasan aktiviti dan dibina lebarnya mencukupi dua orang berjalan seiring iaitu sekurang-kurangnya 1.2 meter lebar.
<b>Program Penghijauan</b>	Konsep pembangunan yang mengutamakan penanaman pokok teduhan
<b>Pokok Teduhan</b>	Spesis pokok yang mencecah ketinggian keseluruhan melebihi 3m dengan bukaan silara melebihi 2.5m serta dedaun rimbun.
<b>O.K.U</b>	Orang Kurang Upaya
<b>Kawasan berturap</b>	Tempat yang bersalut atau berlapis dengan sesuatu yg ditampalkan.
<b>Kiraan Pokok</b>	Formula kiraan bagi penyediaan pokok teduhan mengikut jenis pembangunan.
<b>Silara</b>	Rimbunan daun pada bahagian atas pokok.
<b>Sirkulasi</b>	Sistem laluan

---

## RUJUKAN :

1. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah (2019). *Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS)*. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
2. Town and Country Planning Ordinance.*SABAH Cap 141*. (Amendment 2002).
3. Jabatan Landskap (2000). *Kajian Pelan Induk Landskap Kota Kinabalu*. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
4. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2005).  
*Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
5. Jabatan Landskap (2017). *Garis Panduan Permohonan Kelulusan Landskap*. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
6. Jabatan Landskap Negara (2008).*Garis Panduan Landskap Negara*. (Edisi 2).Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**PENGHARGAAN****URUS SETIA****Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah**

Bahagian Landskap

Bahagian Kawalan Pembangunan

Bahagian Perancangan Fizikal

Bahagian Penyelidikan &amp; Korporat

Unit Pembangunan Sumber Manusia (Latihan &amp; Dasar)

Unit Keurusetiaan Lembaga Pusat Perancang Bandar &amp; Desa

**AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL****Kementerian**

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KKBS)

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS)

**Pihak Berkuasa Tempatan**

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Majlis Perbandaran Sandakan

Majlis Perbandaran Tawau

Lembaga Bandaran Kudat

Majlis Daerah Penampang

Majlis Daerah Putatan

Majlis Daerah Papar

Majlis Daerah Beaufort

Majlis Daerah Kota Marudu

Majlis Daerah Pitas

Majlis Daerah Kota Belud

Majlis Daerah Tuaran

Majlis Daerah Lahad Datu

Majlis Daerah Kinabatangan

Majlis Daerah Tambunan

Majlis Daerah Ranau

Majlis Daerah Keningau

Majlis Daerah Kuala Penyu

Majlis Daerah Kunak

Majlis Daerah Sipitang

Majlis Daerah Tenom

Majlis Daerah Beluran

Majlis Daerah Nabawan

Majlis Daerah Semporna

Majlis Daerah Tongod

**Agenzi Teknikal**

Jabatan Tanah Ukur Negeri Sabah (JTU)

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Jabatan Kerja Raya (JKR)

Jabatan Air (JA)

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM)

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMGSBH)

**Syarikat / Agenzi Berkaitan Kerajaan**

Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)

Telekom Malaysia (TM)

**Badan Bukan Kerajaan**

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)

Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)



Alamat Perhubungan:

Bahagian Landskap,

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah

Tingkat 10 & 11, Blok A, Wisma Tun Fuad Stephens, 88646 Kota Kinabalu, Sabah .

Tel : 088-201 334 / 088-201 374 / 088-201 384

Faks : 088-201 341

